

25 OCT 1998

Mahathir-Sumber

GUNA ASET DAN SUMBER DALAM NEGARA UNTUK TINGKAT PENDAPATAN

LANGKAWI, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak berusaha menggunakan segala aset dan sumber yang ada di dalam negara dalam usaha menangani kegawatan ekonomi.

Usaha itu perlu dibuat melalui program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan kebolehan dalam pelbagai bidang terutama dalam industri makanan.

Semasa berucap pada pelancaran produk pertanian "Terus Maju", sejenis baja bermutu tinggi keluaran Syarikat Kumpulan Maju di Muzium Padi, Pantai Cenang di sini hari ini, Dr Mahathir berkata rakyat negara ini perlu meneroka segala sumber yang ada memandangkan dengan cara ini ia akan dapat membantu memulihkan ekonomi negara daripada bergantung kepada pengimportan barangan dari luar.

Ini kerana Malaysia banyak mengimport barangan makanan yang merupakan jumlah import terbesar negara.

"Kalau kita dapat mengurangkan pengimportan makanan, saya yakin kita dapat membantu mengurangkan kos import dan menyelamatkan tukaran asing yang boleh menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu usaha penyelidikan untuk meningkatkan hasil pertanian negara diadakan sepanjang masa.

Katanya pengeluaran produk Terus Maju itu tepat pada masanya dan yakin ia akan diterima oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor pertanian termasuk kerajaan jika ia membantu meningkatkan hasil pertanian.

"Kalau dulu ada ubat mustajab yang dimiliki oleh seseorang seperti bomoh, dia akan berusaha menyembunyikan ubat itu untuk kepentingan diri sendiri," katanya.

Bagaimanapun, sekarang ini, masyarakat tidak lagi menyembunyikan idea atau rahsia tertentu, sebaliknya berusaha memajukan dan memasarkan hasil produk berkenaan.

Dr Mahathir berkata penggunaan baja tempatan yang menggunakan bahan organik adalah baik berbanding penggunaan baja kimia yang boleh membinasakan keadaan tanah dan memberi kesan buruk kepada persekitaran.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Maju Datuk Abu Sahid Mohamed berkata baja keluaran syarikat itu dapat mencergaskan semua jenis tanaman, mempercepatkan pertumbuhan serta kematangan tanaman hasil daripada lebih 1,000 kajian yang dijalankan.

Produk itu yang telah dipatenkan, boleh mengurangkan kos pengeluaran di antara sepuluh hingga 25 peratus, katanya.

-- BERNAMA

NH RON